

Penjelasan Mahathir untuk hapuskan fitnah — Anwar

... 20 AUG 1983

KUALA LUMPUR 19 Ogos — Ketua Pemuda UMNO, Encik Anwar Ibrahim berkata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini terpaksa menjelaskan pendiriannya yang menyokong Datuk Musa sebagai Timbalan Presiden parti untuk menghapuskan khabar angin dan fitnah yang tidak baik bagi UMNO.

Katanya, "beliau terpaksa berbuat demikian mungkin kerana mahu menegaskan bahawa keputusan majoriti sudah dibuat dan dengan itu, Datuk Musa harus diberi peluang meneruskan tugasnya sebagai Timbalan Presiden UMNO."

Bercakap kepada para pemberita selepas ucapan dasar Presiden UMNO di Perhimpunan Agung Ke-34 parti itu, Encik Anwar juga berkata penjelasan Perdana Menteri itu bertujuan menghapuskan khabar angin kononnya ada perselisihan dengan Datuk Musa.

Datuk Sri Dr. Mahathir dalam ucapan dasarnya di perhimpunan itu pagi ini telah menegaskan bahawa Datuk Musa yang dipilih sebagai Timbalan Presiden parti tahun 1981 adalah orang

yang boleh bekerjasama dengan berkesan dalam pasukan dengannya.

Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie yang juga anggota Majlis Tertinggi UMNO pula berkata dengan penegasan Datuk Sri Dr. Mahathir itu, diharapkan kempen "leftenan-leftenan" akan berhenti.

Beliau berkata, namanya sendiri juga dilibatkan dalam kempen-kempen itu kononnya beliau menyokong seseorang calon itu dan tidak merestui seseorang calon lain.

"Pelakon-pelakon utama tidak terlibat dalam kempen seperti itu, yang sibuk ialah leftenan-leftenan, atau undercurrent, dalam parti. Saya suka Datuk Sri Dr. Mahathir membuat kenyataan yang tegas dan tepat itu," tambahnya.

Pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional pula mensifatkan ucapan Datuk Sri Dr. Mahathir itu sebagai terus terang dan tegas dan harus direnungi oleh setiap rakyat.

Naib Presiden Berjaya, Datuk James Ongkili mensifatkan ucapan Presiden UMNO Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai berterus terang ke arah untuk me-

wujudkan sebuah masyarakat yang aman dan bahagia.

Katanya, Datuk Sri Dr. Mahathir untuk kesekian kalinya merangka lagi dasar-dasar kerajaan mengenai Dasar Pandang ke Timur, Pen-swastaaan dan Persyarikatan Malaysia yang menjadi asas penting kemajuan negara di masa depan.

Datuk James Ongkili berkata, "para perwakilan UMNO hari ini bernasib baik kerana mereka dapat mendengar penerangan mengenai dasar-dasar dan konsep itu dari Dr. Mahathir sendiri untuk disampaikan kepada para ahli lain."

Menurut beliau lagi, amaran Perdana Menteri mengenai fitnah memfitnah dalam parti politik dan amalan rasuah juga perlu diberi perhatian serius.

Presiden Gerakan, Dr. Lim Keng Yaak pula mensifatkan ucapan Datuk Sri Dr. Mahathir adalah bernas dan tegas.

Katanya, Parti Gerakan menyokong sepenuhnya dasar-dasar baru kerajaan di bawah pucuk pimpinan negara yang mahu rakyat supaya bekerja kuat demi kemakmuran dan kebahagiaan negara.

Presiden MIC, Datuk Samy Vellu berkata

ucapan dasar Perdana Menteri walaupun ditujukan kepada ahli-ahli UMNO tetapi memberi manfaat juga kepada parti-parti komponen yang bergabung dengan Barisan Nasional.

Katanya, gesaan dan idea yang disampaikan oleh Perdana Menteri memberi faedah yang sama kepada parti-parti komponen di samping memberi peluang untuk direnungkan bersama oleh para pemimpinnya.

Beliau juga mensifatkan ucapan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai mempunyai unsur-unsur gesaan ke arah penukaran sikap dan mewujudkan pendekatan baru yang lebih sesuai bagi meneubah masyarakat dan cara hidup mereka.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai ucapan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang menyentuh tentang leftenan-leftenan bakal calon pemilihan pucuk pimpinan UMNO yang ghairah berkempen dan tentang adat dan tradisi parti yang dipatuhi, Bendahari UMNO Tengku Razaleigh berkata, Perdana Menteri boleh menunjukkan mesejnya kepada sesiapa sahaja dan "tidak semestinya saya".

Tambahnya, sesiapa sahaja boleh bertanding untuk apa sahaja jawatan dalam Majlis Tertinggi parti kerana yang membuat keputusan adalah perwakilan.

Sebelum itu, beliau berkata ucapan Datuk Sri Dr. Mahathir itu sangat baik dan telah menyentuh beberapa perkara penting.

Sementara itu, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam yang ditanya mengenai sokongan Datuk Sri Dr. Mahathir kepadanya enggan memberi sebarang komen.